

## **// KMK DI ALOR STAR**

Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah mengadakan Bengkel Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) yang melibatkan 42 orang kakitangan KUKUM dari jabatan Pentadbiran, Akademik, Teknikal, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Hal Ehwal Pelajar dan Pengurusan Asrama. Bengkel telah berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Alor Star, Kedah pada 4-7 April lalu. Bengkel telah dirasmikan oleh Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM sendiri. Bengkel diadakan bagi tujuan meningkatkan kualiti pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan di kalangan peserta supaya lebih komited dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Pelbagai aktiviti telah diadakan dalam bengkel tersebut yang juga turut menjemput Tuan Haji Mohd Ghani Salleh, Pendaftar, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) selaku pengendali keseluruhan ceramah dan latihan.